

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.03.2015

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang negara telah mengalami peningkatan sejak lebih 10 tahun yang lalu, apakah jenis hutang-hutang yang diambil kira dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan hutang negara dalam nilai yang mampu dibayar oleh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang Kerajaan

Persekutuan pada akhir Disember 2014 adalah sebanyak RM582.8 bilion atau 54.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berbanding RM216.6 billion atau 45.7% daripada KDNK pada tahun 2004. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh tahap defisit, walaupun pada ketika itu berada pada 4.1% dan seterusnya dikurangkan kepada 3.1% pada tahun 2007, telah mengalami peningkatan semula kepada tahap defisit 4.6% pada tahun 2008 berikutan dengan pengenalan langkah Pakej Stimulus yang dilaksanakan bagi merangsang ekonomi ketika krisis kewangan global pada tahun 2008 dan 2009. Daripada jumlah RM582.8 bilion tersebut, 97.1% atau RM566.1 bilion adalah hutang domestik yang diperoleh dalam matawang ringgit dan tidak bersifat *inflationary*, sementara bakinya RM16.8 billion atau 2.9% merupakan pinjaman luar persisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Hutang Kerajaan Persekutuan adalah meliputi pinjaman dalam negeri (domestik) yang merangkumi Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK), Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), Bil Perbendaharaan dan juga pinjaman bagi Tabung Pinjaman Perumahan Kerajaan. Manakala, bagi pinjaman luar

negeri, ianya meliputi pinjaman pasaran iaitu sukuk-sukuk global dan pinjaman projek yang diperolehi daripada institusi multilateral seperti Asian Development Bank (ADB) dan Islamic Development Bank dan institusi bilateral seperti Japan Bank for International Cooperation (JBIC) dan Japan International Cooperation Agency (JICA).

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kerajaan komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat dengan sasaran mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampai sebarang krisis.